

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR PADA 26HB OKTOBER, 1974

Datuk Chong Kok Lin, Pengerusi Regent Hotel, Datuk Yaakob Hitam, Pengerusi UDA, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah Regent International Hotel kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis pembukaan Hotel Regent petang ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada mereka kerana memberi saya penghormatan merasmikan Hotel Regent yang indah ini.

Secara kebetulan saya telah berpeluang melihat sebahagian dalam Hotel Regent ini lima hari yang lalu semasa saya merasmikan Sidang Jawatankuasa Tetap ASEAN di sini. Kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Conference Room dan juga decornya sangat menarik hati kerana banyak mengandungi unsur-unsur Malaysia. Saya percaya inilah satu-satunya keistimewaan Hotel ini yang patut dipuji dan saya suka mengucapkan tahniah kepada Datuk Chong atas imagination dan pandangan jauh beliau mengekalkan unsur-unsur Malaysia. Begitu juga Coffee House nya saya diberitahu menggambarkan suasana kampung nelayan sesuai dengan nama "Kedai Kopi Payang" yang menjadi kemegahan Hotel ini.

Ada juga saya dengar cerita steak di Ranch yang paling besar di Kuala Lumpur ini.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Semenjak Persidangan PATA dua tahun yang lalu, tourist industry di negara kita semakin meningkat maju. Aliran tourist yang semakin ramai, terutama sekali setelah jet-tour dari Australia bertumpu ke mari, memerlukan kemudahan-kemudahan yang lebih baik bukan saja di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, tetapi juga di bandar-bandar lain. Menurut survey yang dibuat oleh TDC, pelancang-pelancang dari Australia yang paling lumayan berbelanja di sini. Bandar Melaka pada masa ini menjadi tumpuan pelancang yang akan meningkat lebih sejuta orang dan

saya sukacita langkah-langkah sedang berjalan membina hotel yang modern dan kemudahan-kemudahan lain bagi mereka dan orang-orang kita sendiri. Begitu juga pulau-pulau kita yang terkenal indah seperti Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman sudahpun mempunyai hotel complex yang boleh dibanggakan.

Tidak syak lagi dalam tahun-tahun akan datang ini tourist dan travel industry merupakan salah satu punca kemajuan ekonomi negara kita. Barangkali aliran tourist boleh jadi berkurangan sedikit akibat recession di Amerika dan Eropah, tetapi tentulah tidak terhenti sama sekali. Kerajaan telahpun mengambil langkah membaiki kemudahan-kemudahan perjalanan—upgrading airport facilities di Subang; extending runway di Pulau Pinang—supaya dapat cope-up dengan ketibaan pelancung-pelancung yang lebih ramai bilangannya. Di Pantai Timur, Kota Bharu sudahpun mendapat jet service dan kita sedang menimbangkan kedudukan di Kuantan dan Kuala Trengganu bagi kemudahan yang sama. Tambahan pula hari ini MAS sudahpun menjalankan perkhidmatan ke London dan Sydney.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Mengenai Regent Hotel ini, saya sangat berpuashati iaitu syarikat asalnya Landmarks Corporation Berhad ialah 100% Malaysian dalam mana UDA mempunyai 30% equity participation. Saya sukacita juga Datuk Chong Kok Lim yang memang terkenal di Ipoh—dan di kalangan tuan punya kuda lumba—menyertai dengan penuh minat pembangunan Ibu Negara/Wilayah Persekutuan ini. Selain dari Hotel Regent ini yang berharga \$35 juta, saya difahamkan beliau juga bekerjasama dengan UDA dalam projek Sungai Wang Plaza di tapak Bukit Bintang Park dulu. Sudah tentu sekali kedua-dua Tan Sri Yaakub (Datuk Bandar) dan Datuk Yaakub UDA sangat menghargai daya usaha Datuk Chong dan keluarganya itu.

Dengan adanya Hotel Regent ini, Kuala Lumpur mempunyai tambahan satu landmark yang baru di bahagian sebelah sini. Selama ini tidak banyak kemajuan di kawasan Imbi Road, bahkan lebih banyak di pusat bandar saja. Selain dari itu, complex Hotel ini mengandungi pejabat-pejabat (termasuk Pernas Edar) yang menjalankan perniagaannya di sini.

Saya suka melihat lebih banyak lagi usaha bersama seperti ini, yang dibiayai oleh modal tempatan. Hubungan pertalian dengan

international group seperti Regent Management memanglah baik kerana kita perlu mendapatkan expertise dalam semua bidang dan jurusan sebelum kita boleh berdiri atas kaki sendiri. Kita boleh berbangga juga dengan bertambah pesatnya hotel industry seperti ini, peluang-peluang pekerjaan akan terbuka lebih banyak bagi lepasan-lepasan sekolah untuk mengisi tempat-tempat pada semua peringkat sambil mendapatkan kemahiran yang berguna. Inilah yang saya maksudkan dengan diversification supaya belia-belia kita mendapat segala macam pengalaman samada di hotel, di kilang electronic, di ladang kelapa sawit, di limbungan kapal dan seterusnya.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya sekali lagi, bagi pihak isteri saya, mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan Hotel Regent atas sambutan dan layanan pada hari yang bersejarah bagi mereka. Tiap-tiap establishment seperti ini akan terkenal dan popular kalau staffnya memberikan perkhidmatan yang baik dengan layanan yang ramah mesra. Saya percaya seluruh staff Hotel Regent akan mengekalkan nama baik itu supaya dapat pula menjaga nama baik Ibu Negara yang kita kasihi.

Sekarang saya dengan sukacitanya merasmikan Hotel Regent ini dengan harapan semoga usaha ini mendapat segala kejayaan.